



NOORZAINY MOHD. NOOR

Mahu pinjam RM25,000, ditipu RM23,000

KEPALA BATAS: Seorang juruukur bahan kerugian RM23,697.52 dipercayai terperdaya dengan sindiket pinjaman wang yang tidak wujud di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, mangsa yang berusia 37 tahun itu pada mulanya tertarik dengan tawaran pinjaman peribadi yang diiklan menerusi laman sosial Facebook.

Katanya, lelaki itu kemudian menghubungi ejen pinjaman terbabit secara dalam talian untuk membuat pinjaman RM25,000 tetapi dia diminta membuat bayaran terlebih dahulu kononnya bagi memproses permohonannya.

"Mangsa turut dimaklumkan pinjamannya diluluskan dan perlu membuat bayaran pemprosesan dan melaku-

kannya secara berperingkat ke dalam tujuh akaun berbeza sehingga berjumlah RM23,697.52.

"Bagaimanapun, mangsa mula sedar ditipu selepas ejen berkenaan terus memintanya membuat bayaran tambahan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurut Noorzainy, mangsa kemudian membuat laporan polis dan kes itu disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan muslihat sindiket pinjaman wang secara dalam talian.

"Jangan sesekali mudah percaya dengan iklan pinjaman wang berlesen di dalam media sosial dan internet," jelasnya.